

**KAJIAN PERSEPSI MAHASISWI TERHADAP
JENAYAH GANGGUAN SEKSUAL DARI
PERSPEKTIF GEOGRAFI DI UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH.**



JESSICA MAYAN ANAK JANIN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

**KAJIAN PERSEPSI MAHASISWI TERHADAP JENAYAH
GANGGUAN SEKSUAL DARI PERSPEKTIF GEOGRAFI
DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.**

JESSICA MAYAN ANAK JANIN

**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH**

 **IJAZAH**
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa penulisan kajian yang bertajuk "Kajian Persepsi Mahasiswi Terhadap Jenayah Gangguan Seksual Dari Perspektif Geografi Di Universiti Malaysia Sabah" adalah hasil kerja saya sendiri kecuali sorotan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 12 Ogos 2022

Jessica Mayan

JESSICA MAYAN ANAK JANIN

BA19110511

"Adalah disahkan bahawa Latihan Ilmiah ini yang bertajuk "Kajian Persepsi Mahasiswi Terhadap Jenayah Gangguan Seksual Dari Perspektif Geografi Di Universiti Malaysia Sabah" disediakan oleh Jessica Mayan Anak Janin bagi tujuan memenuhi sebahagian syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Geografi), Universiti Malaysia Sabah".

PENGESAHAN

NAMA : **JESSICA MAYAN ANAK JANIN**

NO. MATRIK : **BA19110511**

TAJUK : **KAJIAN PERSEPSI MAHASISWI TERHADAP JENAYAH
GANGGUAN SEKSUAL DARI PERSPEKTIF GEOGRAFI DI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)**



PENYELIA UTAMA

Dr. Hajah Nor-Ina Kanyo

Penyelia Latihan Ilmiah

Program Geografi

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

DISAHKAN OLEH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TANDATANGAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan ungkapan syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa kerana telah mengurniakan sifat tabah dan keyakinan dalam diri saya sepanjang tempoh saya menyiapkan tugas latihan ilmiah ini bagi mencapai semua matlamat yang diinginkan.

Seterusnya, saya juga memberi setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih saya sampaikan kepada penyelia saya iaitu Dr Nor-Ina Kanyo atas segala bimbingan dan nasihat yang telah beliau berikan dan kongsi kepada saya sepanjang dalam tempoh menyiapkan tugas latihan ilmiah ini. Dalam pada itu juga, saya juga memberikan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah atas kesudian mereka dalam memberi kerjasama yang baik semasa saya menjalankan proses pengutipan data.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan sejunjung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ibu bapa saya kerana mereka merupakan pembakar semangat, memberi nasihat dan sokongan yang padu kepada saya sepanjang tempoh saya dalam menyiapkan tugas latihan ilmiah ini. Akhir sekali, saya juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya atas segala sokongan, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan kepada saya dalam menyiapkan tugas penulisan latihan ilmiah ini terutama kepada sahabat baik saya iaitu Della Loo Anak Gansor, Madonna Anak John dan juga Dominic Usit Anak Lila yang setia menemani saya semasa dan sepanjang tempoh pengutipan data serta sepanjang proses menyiapkan tugas latihan ilmiah ini beserta juga dengan rakan saya Cherrylin Moliti yang sentiasa berkongsi dan bertukar pendapat dengan saya sepanjang proses menyiapkan tugas ini.

Terima Kasih,

Jessica Mayan Anak Janin

BA19110511

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui Persepsi Mahasiswi Terhadap Jenayah Gangguan Seksual Dari Perspektif Geografi Di Universiti Malaysia Sabah. Perlakuan jenayah ini merupakan sebuah gejala permasalahan sosial yang tidak sihat dan sekaligus mengganggu keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terutamanya golongan wanita. Kajian ini adalah berfokuskan penelitian kepada persepsi mahasiswi mengenai jenayah gangguan seksual yang sekaligus menimbulkan rasa takut dan cemas kerana mereka cenderung menjadi mangsa terhadap jenayah gangguan seksual di kampus induk Universiti Malaysia Sabah. Populasi kajian ini adalah melibatkan seramai 60 orang mahasiswi yang menjawab borang soal selidik yang diedarkan menerusi *Google Form* beserta dengan terdapat 10 orang mahasiswi yang menjadi responden dalam sesi temu bual. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS) untuk menganalisis data bagi mendapatkan skor min, peratusan dan juga bilangan tertinggi dan juga terendah serta juga menggunakan *Microsoft Excel 365* bagi memaparkan hasil analisis ke dalam paparan berbentuk graf. Hasil kajian akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian telah mendapati bahawa faktor ruangan dan persekitaran yang menyumbang kepada jenayah gangguan seksual yang mempengaruhi persepsi dalam diri responden. Dalam pada itu juga terdapat juga kesan-kesan yang terpaksa dialami oleh mangsa jenayah gangguan seksual yang menyebabkan mereka dapat memberikan persepsi yang baik kepada kajian ini. Justeru itu, dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan hidup mahasiswi di kampus terjamin, bukan sahaja peranan dari pihak Universiti sahaja malah juga dari pihak mahasiswi juga penting bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini menimpa mahasiswi.

Kata kunci: Persepsi, Mahasiswi, Gangguan Seksual, Perspektif Geografi,

Universiti Malaysia Sabah


ABSTRACT

(Study Of Perception of Female Students Towards Crimes of Sexual Harassment from A Geographical Perspective at University Malaysia Sabah)

This study was conducted to find out the perception of female students towards the crime of sexual harassment from a geographical perspective at University Malaysia Sabah. This criminal behavior is a symptom of an unhealthy social problem and at the same time disturbs the safety and well-being of society, especially women. This study is focused on researching the perception of female students regarding the crime of sexual harassment which at the same time creates fear and anxiety because they tend to be victims of the crime of sexual harassment at the main campus of University Malaysia Sabah. The population of this study involved a total of 60 female students who responded to a questionnaire distributed through Google Form along with 10 female students who were respondents in the interview session. In this study, the researcher used the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) software to analyze the data to obtain the mean score, percentage and the highest and the lowest number and used Microsoft Excel 365 to display the results of the analysis into a graph display. The results of the study will be analyzed using the descriptive analysis method. The results of the study have found that room and environment factors that contribute to the crime of sexual harassment that affect the perception of respondents. In the meantime, there are also the effects that the victims of sexual harassment crimes must experience which cause them to give a good perception to this study. Therefore, in ensuring the safety and well-being of female students on campus, not only the role of the University but also the role of female students is also important to prevent unwanted incidents from happening to female students.

Keywords: *Perception, Female Students, Sexual Harassment, Geographical Perspective, University Malaysia Sabah*

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
 <i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI FOTO	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Matlamat Kajian	6
1.7 Kerangka Konseptual	7
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Skop Kajian	8
1.10 Kawasan Kajian	9
1.11 Ringkasan Kajian	11
1.12 Kesimpulan	13
BAB 2: SOROTAN KAJIAN	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Definisi Konseptual	15
2.2.1 Persepsi	16
2.2.2 Mahasiswi	16
2.2.3 Gangguan Seksual	16
2.2.4 Perspektif Geografi	17
2.3 Statistik Jenayah Gangguan Seksual	17
2.3.1 Statistik Kes Jenayah Gangguan Seksual Semasa Pra Pandemik Covid-19	17

2.3.2	Statistik Kes Jenayah Gangguan Seksual Semasa Pandemik Covid-19	18
2.4	Tinjauan Kajian Lepas	19
2.5	Kesimpulan	35
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Aspek Pengumpulan Data	37
3.2.1	Reka Bentuk Kajian	37
3.2.2	Instrumen Kajian	37
3.3	Teknik Pengumpulan Data	37
3.3.1	Data Primer	38
3.3.2	Data Sekunder	42
3.4	Persampelan Kajian	43
3.5	Ujian Kebolehpercayaan	44
3.5.1	Interprestasi Skor Min	48
3.6	Teknik Analisis dan Persembahan Data	49
3.6.1	Statistical Package for Sciences Social (SPSS)	49
3.6.2	Microsoft Excel 365	50
3.6.3	Microsoft Visio 2010	50
3.7	Kesimpulan	52
BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		53
4.1	Pengenalan	53

4.2	Demografi Responden	54
4.3	Analisis Dapatan Kajian	56
4.3.1	Faktor Ruangan Dan Persekitaran Yang Menyumbang Kepada Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Di Universiti Malaysia Sabah	56
4.3.2	Kesan-Kesan Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	60
4.3.3	Cadangan Langkah Untuk Mengurangkan Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi Di Universiti Malaysia Sabah.	62
4.4	Perbincangan Hasil Kajian	66
4.4.1	Faktor Ruangan	66
4.4.2	Faktor Persekitaran	68
4.4.3	Kesan-Kesan Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi	71
4.4.4	Cadangan Langkah Oleh Mahasiswi	73
4.4.5	Tindakan Pihak Universiti	76
4.5	Kesimpulan	78
BAB 5: KESIMPULAN DAN RUMUSAN		79
5.1	Pengenalan	79
5.2	Perbincangan Penemuan Kajian	79
5.2.1	Faktor Ruangan Dan Persekitaran Yang Menyumbang Kepada Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Di	80

	Universiti Malaysia Sabah	
5.2.2	Kesan-Kesan Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah	80
5.2.3	Cadangan Langkah Untuk Mengurangkan Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswa Di Universiti Malaysia Sabah	81
5.3	Kekangan Semasa Menjalankan Kajian	82
5.4	Sumbangan Kajian	83
5.4.1	Ilmu Pengetahuan Dalam Bidang Geografi Jenayah	83
5.4.2	Sumbangan Terhadap Sumber Rujukan	85
5.4.3	Sumbangan Terhadap Polisi dan Dasar	85
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Akan Datang	86
	Rumusan	88
	RUJUKAN	89
	LAMPIRAN	98



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Halaman
Jadual 2.1	: Sorotan Dalam Negara	19
Jadual 2.2	: Sorotan Luar Negara	25
Jadual 3.1	: Skala Likert Mengenai Faktor Ruangan dan Persekitaran Yang Menyumbang Kepada Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	39
Jadual 3.2	: Skala Likert Mengenai Kesan-Kesan Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi Di Universiti Malaysia Sabah.	39
Jadual 3.3	: Skala Likert Mengenai Cadangan Langkah Untuk Mengurangkan Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi Di Universiti Malaysia Sabah.	40
Jadual 3.4	: Jadual Penentuan Saiz Sampel	44
Jadual 3.5	: Tahap Kebolehpercayaan Soalan	45
Jadual 3.6	: Nilai Alpha Cronbach bagi Faktor Ruangan dan Persekitaran yang Menyumbang Kepada Kejadian Jenayah GangguancSeksual Terhadap Mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	46
Jadual 3.7	: Nilai Alpha Cronbach bagi Kesan-Kesan Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi Di Universiti	46

Malaysia Sabah.

Jadual 3.8	: Nilai Alpha Cronbach bagi Cadangan Langkah Untuk Mengurangkan Kejadian Jenayah Gangguan Seksual Terhadap Mahasiswi Di Universiti Malaysia Sabah.	47
Jadual 3.9	: Interpretasi Skor Min	48
Jadual 4.1	: Demografi Responden	55



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Halaman
Rajah 1.1	: Kerangka Konseptual	7
Rajah 2.1	: Berita Gangguan Seksual di Universiti	15
Rajah 2.2	: Kes Jenayah Gangguan Seksual di Malaysia Tahun 2013-2017	17
Rajah 2.3	: Keratan Akhbar Kes Gangguan Seksual, 2021	18
Rajah 3.1	: Carta Alir Kaedah Penyelidikan	51
Rajah 4.1	: Faktor ruangan yang menyumbang kepada kejadian Jenayah gangguan seksual terhadap Mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	57
Rajah 4.2	: Faktor persekitaran yang menyumbang kepada kejadian Jenayah gangguan seksual terhadap Mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	59
Rajah 4.3	: Kesan-kesan jenayah gangguan seksual terhadap mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah	61

- Rajah 4.4 : Cadangan langkah yang dilakukan oleh Mahasiswi 63
untuk mengurangkan kejadian jenayah gangguan
seksual di Universiti Malaysia
- Rajah 4.5 : Cadangan langkah yang dilakukan oleh pihak 65
Universiti untuk mengurangkan kejadian jenayah
gangguan seksual terhadap mahasiswi di Universiti
Malaysia Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

No.Foto		Halaman
Foto 1.1	: Peta Universiti Malaysia Sabah	10
Foto 1.2	: Peta Kota Kinabalu	10



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

CCTV	Closed Circuit Television
E	Excellent
HEP	Hal Ehwal Pelajar
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JAKMAS	Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa
SPSS	Statistical Package for The Social Science
TF	Tun Fuad
TM	Tun Mustapha
UA	Universiti Awam
US	Universiti Swasta
UMS	Universiti Malaysia Sabah
USIA	United Sabah Islamic Association
AUKU	Akta Universiti Kolej Universiti
KKTPAR	Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

		Halaman
LAMPIRAN A	: Foto Hasil Pemerhatian	98
LAMPIRAN B	: Borang Soal Selidik	100
LAMPIRAN C	: Transkrip Temubual Secara Rawak	107
LAMPIRAN D	: Peratus Persamaan Indeks	111



Turnitin

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Gangguan seksual dalam kalangan mahasiswi merupakan sebuah masalah yang telah lama wujud iaitu semenjak kaum wanita mula memasuki institusi pendidikan. Walau bagaimanapun, perilaku ini masih tidak mendapat perhatian dalam kalangan pihak institusi dan tidak dilaporkan sebagai salah satu masalah yang dianggap serius dimana ia melibatkan keselamatan terhadap kehormatan golongan mahasiswi di sesebuah institusi pendidikan. Dari saban tahun ke tahun, masalah gangguan seksual ini semakin mendapat perhatian dan mula menganggap perilaku gangguan seksual ini sebagai sebuah perilaku yang negatif. (Wilson, 1995). Oleh hal yang demikian, masalah gangguan seksual ini merupakan sebuah masalah yang telah mencapai tahap yang sangat membimbangkan sekiranya masalah ini berlarutan kerana ia dibimbangkan akan mengganggu ketenteraman bagi golongan wanita terutamanya golongan mahasiswi di institusi pengajian tinggi.

Isu masalah gangguan seksual merupakan sebuah isu yang meninggalkan sebuah coretan kesan yang mendalam kepada mangsa khususnya kepada golongan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana gangguan seksual ini mampu meninggalkan kesan kepada perkembangan dari sisi psikologi dan juga fizikal mangsa sekaligus mengganggu kesejahteraan sosial masyarakat bukan sahaja kepada golongan wanita malah kepada semua golongan juga turut merasakan impaknya yang timbul daripada isu masalah tersebut. Pada masa kini, gangguan seksual ini wujud akibat daripada pelbagai variasi bentuk yang memicu kepada kewujudan masalah ini terutamanya ia lebih umum diperkatakan atau dikenali bahawa golongan yang sering diancam oleh masalah ini khasnya golongan wanita yang lebih dikenali

sebagai golongan yang lemah berbanding dengan golongan lelaki dari segi fizikal mahupun mental.

Oleh hal yang demikian, kemampuan wanita ini dipandang remeh dan menyebabkan golongan pemangsa suka memperlekehkan atau mempersendakan maruah golongan wanita. Di Malaysia, maklumat rasmi berkenaan dengan isu masalah gangguan seksual ini adalah berstatus tidak lengkap namun masalah ini sering wujud terutamanya di media sosial dan juga forum anjuran badan kerajaan dan juga kerajaan mengenai masalah yang dirasakan oleh setiap golongan wanita terutamanya golongan mahasiswi yang berada di institusi pengajian tinggi. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rina Mohd Harun telah menjelaskan bahawa kementeriannya juga memberi komitmen yang padu untuk menyelesaikan masalah aduan gangguan seksual. Menurut beliau, Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual 2021 yang dibaca buat kali pertama di Dewan Rakyat hari ini dapat membantu wanita untuk menyelesaikan isu berkenaan kerana Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai gangguan seksual agar perkara ini tidak dinormalisasikan supaya dapat mewujudkan persekitaran yang selamat kepada masyarakat khususnya wanita. (Hidayatidayu, 2021)

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Jenayah gangguan seksual ini bermaksud sebarang tingkah laku yang berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan yang mendalam sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau secara fizikal. Perkara tersebut telah menjelaskan masalah gangguan seksual ini terbahagi kepada dua aspek iaitu yang pertama adalah gangguan seksual yang dikenakan adalah secara mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas mangsa dan yang kedua adalah berbentuk seksual yang melibatkan pencabulan maruah, penghinaan atau ancaman terhadap mangsa. (Abd Rahim, 2003).

Seterusnya, menurut Coles, (1986) telah menyatakan bahawa gangguan seksual bukan sahaja sebuah penganiayaan yang berbentuk fizikal malah juga ia menyebabkan berlakunya gangguan emosi. Misalnya, mangsa gangguan seksual ini sering dihantui oleh kejadian tersebut dan menyebabkan mereka sentiasa merasakan

jiwa mereka berada dalam keadaan tertekan, terhina, perasaan marah menghantui, malu serta takut dan sentiasa menyalahkan diri ke atas apa yang menimpanya. Oleh itu, menurut (Crull, 1982 dalam Worsfold et al 2000) telah menyatakan bahawa jenayah gangguan seksual ini telah mewujudkan pengalaman yang tragis dan ngeri kepada ramai orang terutamanya golongan mahasiswi. Kesannya, pelbagai impak yang buruk yang dialami hasil daripada masalah ini dan menyebabkan mangsa bukan sahaja mengalami gangguan emosi malah juga boleh mencederakan fizikal mangsa.

Oleh hal yang demikian, dari hari ke hari masalah ini semakin mendapat perhatian bukan sahaja dari masyarakat malah juga daripada pihak kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dimana menerusi laporan berita harian telah mendapati bahawa kementerian ini sedang menggubal Draf Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) supaya isu masalah gangguan seksual ini dapat dikekang sekaligus dibanteras. Menurut menterinya, Datuk Seri Rina Harun telah menyatakan bahawa kementerian beliau sentiasa peka dan mengambil serius terhadap isu gangguan seksual yang berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya kepada golongan wanita yang sering menjadi mangsa kepada gangguan seksual. (Noor Atiqah Sulaiman, 2021)

Seterusnya, dengan wujudnya kajian ilmiah ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian jenayah gangguan seksual terhadap mahasiswi di Universiti Malaysia Sabah. Selain itu, kajian yang bakal dilaksanakan ini juga berfokus kepada penganalisan kesan-kesan jenayah gangguan seksual terhadap mahasiswi serta kajian ini juga adalah bertujuan untuk mencadangkan langkah untuk mengurangkan kejadian jenayah gangguan seksual terhadap mahasiswi khususnya di institusi pengajian Universiti Malaysia Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan mahasiswi ini merupakan golongan yang penting untuk dilindungi. Namun, terdapat juga masyarakat yang tidak faham dan tidak mengambil tahu berkenaan dengan isu gangguan seksual terutamanya terhadap golongan mahasiswi. Oleh itu, kajian ilmiah ini yang mengkaji berkenaan dengan persepsi pelajar Universiti Malaysia Sabah tentang isu gangguan seksual terhadap mahasiswi ini penting sebagai saluran suara mahasiswi agar keselamatan dan kesejahteraan hidup mahasiswi terlindung daripada isu gangguan seksual.

Akhir sekali, isu masalah gangguan seksual dalam kalangan mahasiswi ini semakin mendapat perhatian oleh kementerian yang bertanggungjawab khasnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). (Noor Atiqah Sulaiman. 2021). Isu masalah gangguan seksual ini telah menyebabkan pelajar yang pernah mengalami gangguan seksual ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dimana mereka sentiasa terikat dengan trauma masa lampau, sentiasa mengalami rasa takut, kemurungan, cemas dan panik. (Mahani, 2020). Oleh hal yang demikian, isu gangguan seksual dalam kalangan mahasiswi seharusnya diambil serius agar keselamatan dan kesejahteraan pelajar terjamin.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Gangguan seksual dalam kalangan mahasiswi adalah terbahagi kepada beberapa kategori iaitu berbentuk syarat dan juga ancaman. Peningkatan gangguan seksual di sekolah dan di kampus tidak dapat dinafikan. Julat gangguan seksual yang dilaporkan dalam persekitaran akademik adalah membimbangkan. Tambahan pula, lebih ramai wanita dilaporkan mengalami gangguan seksual berbanding lelaki dan keadaan ini telah mempengaruhi prestasi pembelajaran mangsa, seperti mangsa sering mengalami kesukaran dalam menumpukan perhatian pada pelajaran, ketakutan menyelubungi dan sering rasa rendah diri apabila berdepan dengan orang lain. (Ali et al., 2014).

Gangguan seksual juga bukan sahaja isu yang asing dalam institusi pengajian di negara Malaysia tetapi ia juga merupakan masalah sedunia. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa gangguan seksual dalam persekitaran akademik adalah berleluasa di banyak negara seperti di negara Amerika Syarikat, Belanda, Jerman, Kanada, Taiwan, Pakistan, Filipina, Turki dan Ecuador. (Sigal, J. et. al, 2005). Seperti yang dinyatakan sebelum ini, terdapat pelbagai kategori gangguan seksual di Universiti. Ia boleh berpunca daripada pensyarah kepada pelajar, pelajar kepada pensyarah dan pelajar kepada pelajar. Gangguan seksual pelajar kepada pelajar adalah perkara biasa dan berleluasa di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Keadaan ini mungkin berada dalam pelbagai bentuk yang berbeza seperti dari sudut lisan, bukan lisan, fizikal dan bertulis yang boleh menjadi isu yang dibangkitkan.

Oleh hal yang demikian, dengan meneliti kepada punca-punca yang menyumbang kepada isu masalah gangguan seksual ini telah semestinya memberikan kesan yang mendalam terhadap mangsa gangguan seksual. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa mahasiswi (pelajar perempuan) lebih terdedah kepada gangguan seksual dan mereka cenderung mengalami gangguan seksual semasa zaman kolej mereka yang mungkin akan berlaku sehingga kini dan keadaan ini akan mempengaruhi prestasi akademik mereka (Cortina, & Wasti, 2005). Selain itu, kebanyakan pengalaman gangguan seksual yang berlaku terhadap golongan mahasiswi adalah disebabkan oleh pengganggu lelaki (Berdahl, Magley, & Waldo, 1996). Malah, beberapa kajian teori dan empirikal telah menunjukkan bahawa gangguan seksual memberikan kesan dalam jangka masa panjang terutama kepada aspek psikologi mangsa (Berdahl, Magley, & Waldo, 1996). Trauma yang dialami oleh mangsa gangguan seksual telah menjadi isu yang besar dimana ia dapat menjejaskan prestasi akademik dan juga psikologi pelajar dalam meneruskan pengajian.

Di samping itu, ketidakpedulian pihak bertanggungjawab terutamanya pihak Universiti di pengajian tinggi juga turut menjadi isu yang dibangkitkan. Keadaan ini dikatakan telah menjadi punca kepada kes gangguan seksual semakin meruncing dari tahun ke tahun. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak Universiti yang tidak mengambil berat dan tidak menetapkan polisi terhadap gangguan seksual menyebabkan kes gangguan seksual semakin meningkat. Selain itu, ketidaksedaran dalam kalangan mahasiswi dalam kes gangguan seksual ini juga menjadi isu yang dibangkitkan. Hal ini telah umum diketahui bahawa kebanyakan kes gangguan seksual ini berlaku adalah akibat daripada tarikan mahasiswi (pelajar wanita/mangsa) yang secara langsung dan tidak langsung mengundang kepada gangguan pihak pemangsa.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada persepsi mahasiswi terhadap jenayah gangguan seksual dari perspektif geografi di Universiti Malaysia Sabah. Oleh itu, terdapat beberapa persoalan yang penting yang perlu diperjelaskan. Antaranya: